

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 DISEMBER 2022  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 34

### Petronas, PAC catat 10 penemuan hidrokarbon di Malaysia

#### **Petronas, PAC catat 10 penemuan hidrokarbon di Malaysia**

**Kuala Lumpur** Petroliam Nasional Bhd (Petronas) dan kontraktor pengatur petroleum (PAC) mencatat sebanyak 10 penemuan hidrokarbon di Malaysia pada 2022 berikutan peningkatan aktiviti cari gali di seluruh negara.

Lapan penemuan minyak dan gas dibuat di luar persisir Sarawak dan masing-masing satu di luar persisir Sabah dan Semenanjung Malaysia, kata syarikat itu dalam kenyataan semalam.

Penemuan minyak terbe-

sar telah dibuat oleh Petronas Carigali di telaga Nahara-1 di Blok SK306 dalam wilayah Balingia, Sarawak.

Selain itu, penemuan juga dibuat di wilayah Luconia Tengah, Luconia Barat dan Baraui Sarawak, yang merupakan antara lembangan paling prolifik di Malaysia dan menempatkan banyak medan gas di Malaysia, kata Petronas.

Di wilayah Central Luconia pula, Shell mencatakan

penemuan di telaga Inai-1 dan Temu-1 di Blok MLNG manakala Mubadala Energy menemui lebih banyak gas di Blok SK320 di telaga Cengklik-1.

Di wilayah Luconia Barat, ConocoPhillips menggerudi tiga telaga penerokaan di Blok WL4-00 dan menemui gas di telaga Gagau-1 manakala telaga Salam-3 dan Benum-2 mengesahkan kerja-kerja pengumpulan minyak dan

gas dilanjutkan di blok bersebelahan.

Di samping itu, di wilayah Baram yang telah membangu, PTTEP membuat satu lagi penemuan gas di Blok SK410B melalui telaga Paprika-1, di mana Lang Lebah juga ditemui pada 2019.

Di perairan ultra dalam Sabah, TotalEnergies membuat penemuan minyak dan gas di telaga Tepat-2 di Blok N dalam wilayah Sabah Trough yang sedang berkembang seterusnya membuktikan ia adalah lanjutan kepada penemuan minyak dan gas terdahulu, Tepat-2 pada 2018.

Di luar pantai Semenanjung Malaysia, Hess memenui takungan gas baharu di telaga Bergading Deep-4 di Blok PM302 di North Malaya Basin.

Naib Presiden Kanan Pengurusan Petroleum Malaysia (MPM) Petronas, Mohamed Firouz Asnaw berkata tahun 2022 merupakan tahun yang baik untuk penerokaan di Malaysia.

"Saya gembira dengan peningkatan aktiviti penero-

kaan di mana 16 telaga telah siap dengan dua lagi sedang berjalan, menggandakan angka dicatatkan pada 2021," katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, Pengurus Besar Kanan Penerokaan Sumber MPM, Azmir Zamri berkata set data pelbagai pelanggan MPM yang luas meliputi kawasan baru yang membina dan kawasan sempadan akan terus menjadi perkara penting dalam mempercepatkan masa untuk kerja-kerja penggerudian.

Penemuan minyak terbesar di telaga Nahara-1 di Blok SK306